

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 April 2016

SOALAN

Puan Bathmavathi Krishnan minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada Elaun Pekerja Cacat (EPC) boleh dinaikkan ke RM500 dan Elaun OKU yang tidak mampu bekerja dinaikkan ke RM300 memandangkan kos sara hidup bagi OKU adalah lebih tinggi berbanding yang bukan OKU.ERI

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 telah bersetuju untuk menaikkan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada RM300 kepada RM350 sebulan iaitu peningkatan sebanyak 16.6 peratus. Manakala Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) pula dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan iaitu peningkatan sebanyak 33.3 peratus berkuatkuasa mulai Januari 2015. Kenaikan kadar dua skim ini melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM66 juta dan memberi manfaat kepada 122,938 orang. Buat masa ini, pihak Kementerian akan mengguna pakai kadar tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan kenaikan kadar bantuan berkenaan akan diambil perhatian dan diteliti dari masa ke masa.

